

# Malaysia di landasan betul guna BI – Pakar

UM- 6/4/2007

GENEVA 5 April – Malaysia berada di landasan yang betul apabila mengambil inisiatif menggunakan bahasa Inggeris (BI) bagi pengajaran subjek Sains dan Matematik di sekolah, kata pakar antarabangsa dalam bidang pembangunan kokurikulum di sini hari ini.

Penyelaras projek Biro Pelajaran Antarabangsa (IBE) Dakmara Ana Georgescu berkata, kecenderungan itu kini sedang menukuri di banyak negara lain.

“Ia memberi peluang lebih besar kepada pelajar untuk mendapat akses lebih luas kepada bahan antarabangsa di samping akses kepada Internet,” katanya pada sesi lawatan oleh Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein ke institut yang menjadi pelengkap utama kepada Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan (Unesco).

Misi utama IBE ialah untuk berfungsi sebagai pusat antarabangsa bagi membangunkan kandungan serta *method* dalam bidang pendidikan, di samping strategi pengajaran menerusi pembangunan kurikulum.

Georgescu yang melaksanakan projek pendidikan di Afghanistan sejak 2002 lalu berkata, penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar bukan bermakna melupakan terus bahasa kebangsaan.

“Saya rasa anda juga boleh mempelajari sains dengan menggunakan bahasa ibunda sendiri, sebagaimana saya mempelajari sains menggunakan bahasa ibunda saya, iaitu bahasa Romania.

“Tapi adalah satu peluang yang amat baik hari ini untuk mendapat akses kepada konsep dan *method*, serta untuk mengamalkan bahasa Inggeris yang menjadi bahasa anta-

rabangsa terutama dalam bidang sains dan matematik,” katanya.

Beliau berkata, dengan memilih bahasa Inggeris untuk mempelajari mata pelajaran, ia adalah tanda-tanda tentang keterbukaan kepada pembangunan antarabangsa dan menyediakan akses segera bagi pelajar kepada bahan paling relevan yang berkualiti dunia.

“Penterjemahan akan memakan masa dan belanja yang banyak, anda perlu memikirkan tentang kebajikannya. Saya difahamkan banyak negara yang mengagumi anda dan berhasrat untuk mengikut jejak langkah anda,” katanya.

Beliau berkata, malah di Perancis, sebuah negara yang amat berbangga dengan bahasanya, sudah muncul cadangan supaya bahasa Inggeris diajar dalam kurikulum seperti Matematik.

– Bernama